

EDITORIAL BUKU AGAMA: SATU KAJIAN TERHADAP KRITERIA PENILAIAN MANUSKRIP

[RELIGIOUS BOOKS EDITORIAL: A RESEARCH ON THE MANUSCRIPT APPRAISAL CRITERIA]

MOHAMAD SUHAIZI SUHAIMI¹
SHARIL NIZAM SHA'RI¹

Abstrak

Penilaian manuskrip untuk diterbitkan menjadi salah satu peranan editor dalam menyunting naskah yang dihantar oleh penulis. Hal ini demikian kerana, editor berperanan dalam memastikan penghantaran karya berada dalam keadaan yang menepati kriteria yang ditetapkan oleh syarikat penerbitan. Namun begitu, kriteria penilaian yang menjadi pilihan para editor buku agama masih dilihat tidak jelas dan membentuk kesukaran untuk menerbitkan karya yang dihantar oleh para penulis. Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan melihat kriteria-kriteria yang menjadi pilihan para editor buku agama terhadap manuskrip yang diterima oleh mereka untuk diterbitkan. Tambahan pula, pemilihan buku agama dibuat berikutan permintaan tinggi terhadap buku-buku tersebut yang telah mendorong persaingan sihat dalam kalangan penerbit tempatan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik bagi menanyakan pandangan para editor terhadap kriteria manuskrip yang dipilih. Seramai tujuh orang editor dipilih masing-masing daripada dua buah syarikat penerbitan yang memiliki penerbitan buku agama iaitu Kemilau Publika Sdn. Bhd. dan Telaga Biru Sdn. Bhd. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat lima tema telah ditemui iaitu Kandungan maklumat, Pentafsiran, Keseimbangan, Keaslian dan Daya penarik bagi mengenal pasti kriteria-kriteria yang menjadi pilihan para editor terhadap manuskrip yang dihantar oleh penulis bagi tujuan penerbitan. Kajian ini dilihat membantu para editor di samping syarikat penerbitan buku agama dalam menghasilkan karya berunsur Islam yang lebih berimpak tinggi dan berstruktur.

Kata Kunci: kriteria; penyuntingan; manuskrip; editor; buku agama.

Abstract

The manuscript appraisal for the publishing purposes has become a crucial role to the editor especially in evaluating a transcript. The editor is responsible to ensure that the submission of new opuses are parallel and comply with the standards that have been specified by the publishing company. Nevertheless, the appraisal criteria that are exercised by the religious books editors are still vague and unclear, thus making the process to publish the works difficult

¹ Universiti Antarabangsa Malaysia, Pagoh MALAYSIA.

Corresponding Author:
Shahril Nizam Sha'ri, Universiti Putra Malaysia.
E-mail: sharil@upm.edu.my

for them. Hence, this research aims to look into the criteria that the religious books editors opt for in reviewing the manuscripts that are to be published. Religious books are being chosen for the research as there are high demands from the customers which encourages a healthy competition among the local publishers. This research uses a quantitative method which involves questionnaires to get feedback and responses from the editors regarding the criteria of the manuscript that they have chosen. There are seven editors who participate in this research, mainly from two publishing companies that distribute the religious books which are Kemilau Publika Sdn. Bhd. and Telaga Biru Sdn. Bhd. The findings illustrate that there are five prominent themes specifically as Information Content, Interpretation, Stability, Authenticity and Attraction that are taken into consideration by the editors as major criteria for publishing purposes. This research gives value to the editors as well as the religious books publishing companies to present high-impact and structured Islamic masterpieces.

Keywords: criteria, editing, manuscript, editor, religious books.

Cite This Article:

Mohamad Suhaizi Suhaimi & Sharil Nizam Sha'ri. (2021). Editorial Buku Agama: Satu Kajian Terhadap Kriteria Penilaian Manuskrip. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 3(1),34-44.

PENGENALAN

Di Malaysia, penerbitan buku agama telah menunjukkan kerencakannya setanding dengan penerbitan buku-buku yang lain. Perkara tersebut dikuatkan lagi dengan pernyataan daripada Mohamad Azmie Zakaria (2015) iaitu buku agama kini menguasai ruang kebanyakan kedai buku di Malaysia dengan sekitar 20 sehingga 50 peratus daripada ruang lantainya dipenuhi dengan buku sedemikian. Hal ini menunjukkan bahawa penulisan yang berunsurkan dakwah mampu memberikan impak yang berguna kepada para pembaca. Fenomena pelambakan buku agama ini menjadi petanda bahawa ilmu agama Islam kian mendapat tempat di pasaran malah di hati para pembaca (Mohamad Suhaizi Suhaizi, 2020).

Berdasarkan sejarah, penulisan karya-karya Islam pada kurun ke-19 dan 20 di Tanah Melayu khususnya dan di Nusantara umumnya telah didominasi oleh penulisan dalam bidang tauhid, fiqh dan tasawuf (Faisal Ahmad Shah, 2011). Perkembangannya kian pesat saban tahun sehingga muncul menjadi buku akademik dan rujukan para pembaca mahupun pengkaji. Fenomena ini tidak lain dan tidak bukan semata-mata untuk menyebarkan ajaran Islam dalam bentuk penulisan. Tambahan pula, medium terbaik dalam penyampaian dakwah ialah menerusi penulisan berlandaskan syariat Islam (Hasninie Mohammad, 2013). Oleh itu, perkembangan bagi penerbitan buku-buku agama selari dengan konsep menyampaikan ilmu dan menyebarkan dakwah khususnya dalam konteks negara Malaysia.

Penerbitan buku-buku agama tersebut pastinya ditangani oleh penyunting buku yang berpengalaman dan berfungsi penting dalam sesebuah syarikat penerbitan. Penyunting sesebuah naskhah bukan sahaja memiliki peranan yang sangat penting, malahan merupakan tulang belakang penerbit dan bertanggungjawab ke atas mutu penulisannya. Sehubungan itu, penyuntingan naskhah menjadi jambatan yang menghubungkan penulisan dengan penerbitan (Hamed Mohd Adnan, 2008) yang akhirnya memberi kesan terhadap kriteria pemilihan manuskrip yang dihantar oleh penulis untuk diterbitkan di pasaran kelak.

PENILAIAN MANUSKRIP

Seorang editor perlu bijak membuat keputusan dengan mengambil kira pengalamannya dalam menangani senarai terbitannya sebelum ini. Jika judul dalam senarai terbitannya mendapat sambutan, maka kemungkinan besar buku yang akan diterbitkan itu mendapat sambutan yang sama. Namun begitu, kelemahan dalam bidang editorial yang boleh menyebabkan aktiviti penipuan sekali gus melemahkan integriti atau ketelusan sesebuah jurnal (Shelomi, 2014). Penipuan tersebut boleh terjadi apabila fakta yang diragui, kenyataan yang lebih kepada pendapat peribadi penulis dan editor tergesa-gesa mengejar tarikh akhir penerbitan tanpa membuat semakan yang terperinci serta rujukan pakar yang tidak dilakukan. Walaupun kes-kes tersebut jarang berlaku, namun apabila diemui lazimnya tindakan penarikan semula jurnal yang diterbitkan boleh terjadi.

Kajian mengenai penilaian manuskrip ini banyak dilakukan oleh pengkaji barat serta tempatan. Antaranya ialah Ross-Hellauer, T et.al (2017), Angelski et. al (2012) dan Zulkifli Abd. Latif (2012) banyak membicarakan peranan editor dalam membuat keputusan pemilihan manuskrip untuk ditangani dan seterusnya diterbitkan di pasaran. Namun begitu, kajian-kajian yang dinyatakan tersebut memberi fokus kepada bahan bacaan ilmiah atau jurnal yang bersifat saintifik. Oleh sebab itu, kajian ini memberi fokus kepada penilaian manuskrip agama yang umum mengetahui bahawa kandungannya mengandungi ayat suci al-Quran dan Hadis. Manuskrip-manuskrip tersebut perlu ditangani oleh editor secara teliti dan tekal agar karya yang dihasilkan mampu menggugah keinginan membaca malah mampu menyebarkan ilmu agama dalam bentuk penulisan.

Sehubungan itu, Hukum Follet (1998) menyatakan bahawa 12 peratus daripada jumlah pembaca sasaran akan membeli buku. Hal ini bermaksud, jika jumlah pembaca sasaran berjumlah 100, 000 orang, paling ramai hanya 12, 000 sahaja yang akan membelinya. Semakin kurang jumlah pembaca sasaran, semakin kurangnya jumlah naskhah buku yang akan dibeli. Namun begitu, tidak semua buku sesuai mengaplikasikan hukum ini. Seperti kita tahu, amalan membaca dalam kalangan masyarakat negara ini masih berada pada tahap sederhana dengan purata antara lapan hingga 12 buku setahun (Shuhada Mansor, 2015). Oleh yang demikian, kriteria pemilihan manuskrip perlu diambil maklum oleh semua penulis sebelum meneruskan penghantaran manuskrip kepada syarikat penerbitan agar amalan membaca ini dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Terdapat garis panduan yang ditetapkan oleh Davies (1995) yang boleh dilakukan oleh penyunting untuk membantu menilai potensi bakal pembeli buku yang ditanganinya. Antaranya ialah:

- i. Minta penulis menyebutkan bilangan pembaca sasaran bukannya.
- ii. Minta profil bakal pembaca bukannya.
- iii. Minta penulis meneliti profil tersebut dari segi permintaan yang sebenar.
- iv. Pastikan jika buku tersebut ditujukan kepada tahap pembaca tertentu, penulis tidak mendakwa pasarannya untuk kesemua tahap.
- v. Minta penulis membekalkan bukti statistik jika penyunting kurang pasti akan jumlah pembaca sasarannya.
- vi. Minta penulis menyatakan buku-buku lain dalam bidang buku yang dicadangkan itu. Nyatakan juga perbezaan atau persamaan buku tersebut dengan buku yang lain.

- vii. Sekiranya penulis mendakwa bahawa “buku ini adalah yang pertama dalam bidang itu”, minta ia memberikan bukti. Penyunting juga boleh menyemak dakwaan itu dengan menghubungi orang lain dalam bidang berkenaan dan sebagainya.

Justeru, perkara-perkara tersebut lazimnya diaplikasikan dalam buku bacaan umum yang pastinya berbeza dengan buku bacaan agama. Hal ini demikian kerana, buku agama mengandungi perkara-perkara yang suci dan tidak boleh sewenang-nya ditangani oleh editor yang tiada latar belakang pendidikan agama untuk diterbitkan di pasaran.

OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat dua (2) objektif yang perlu dipenuhi dalam kajian ini iaitu:

- i. Mengenal pasti kriteria-kriteria manuskrip yang menjadi pilihan editor buku agama.
- ii. Membincangkan tema-tema yang terhasil berdasarkan kriteria manuskrip yang diterima.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilakukan berpandukan dua bahagian soalan kaji selidik yang diedarkan kepada setiap dua buah syarikat penerbitan buku agama iaitu tiga orang editor dari Kemilau Publika Sdn. Bhd (KP) dan empat orang editor Telaga Biru Sdn. Bhd. (TB). Setiap borang soal selidik mengandungi Bahagian A yang terdiri daripada soalan berkaitan demografi dan Bahagian B yang merupakan soalan kriteria pemilihan manuskrip di samping soalan terbuka (open-ended) mengenai pandangan dan ulasan terhadap kriteria-kriteria yang dipilih.

Signifikan pemilihan kedua-dua penerbit tersebut berikutan Penerbit Telaga Biru Sdn. Bhd pernah memenangi Anugerah Buku Negara 2012 bagi kategori Buku Agama Terbaik, pada tahun 2015 bagi kategori Anugerah Perdana: Penerbit Terbaik (Swasta) dan tahun 2016 bagi kategori Buku Islamik Terbaik. Manakala Penerbit Kemilau Publika Sdn. Bhd pula telah memenangi Anugerah Buku Negara 2014 bagi kategori Buku Umum Terbaik (Kategori Motivasi). Oleh yang demikian, kejayaan dalam merangkul Anugerah Buku Negara membuktikan bahawa penerbitan kedua-dua buah penerbit tersebut sememangnya layak diangkat menjadi bahan kajian berikutan pertandingan tersebut diadili oleh penilai yang profesional dan berkualiti.

Kajian ini berbentuk kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik dengan menjalankan analisis deskriptif. Hal ini bersesuaian dengan objektif kajian iaitu untuk mengenal pasti kriteria-kriteria manuskrip yang menjadi pilihan penyunting buku agama dan menghuraikan pandangan serta ulasan terhadap penilaian manuskrip yang dibuat. Data kajian ini diperolehi melalui borang soal selidik yang diedarkan secara terus di pejabat-pejabat syarikat penerbitan yang menjadi data kajian.

Semua editor buku yang dipilih merupakan staf yang mempunyai pengalaman luas dalam industri penerbitan buku agama di samping banyak menghasilkan buku dan jurnal untuk bacaan umum serta buku agama. Kaedah pensampelan bertujuan digunakan untuk kajian ini. Borang soal selidik dihantar secara terpilih kepada pengamal penyuntingan yang benar-benar terlibat dengan urusan penyuntingan di syarikat masing-masing. Bagi menjayakan kajian ini,

kerjasama dan bantuan daripada ketua-ketua penerbit buku diperoleh bagi memudahkan pengedaran borang soal selidik tersebut.

Seterusnya, data soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) 20. Soalan terbuka untuk kajian ini pula dianalisis secara manual dengan menggunakan perisian MS Word untuk mencari kategori dan tema yang ditimbulkan daripada jawapan yang diberi. Walaupun saiz sampel kajian ini adalah kecil (tujuh orang), ia wajar dilakukan kerana menurut Mohd. Majid Konting (2005) kita perlu mengkaji populasi tersebut tidak kira sama ada populasi itu besar atau kecil, mudah atau kompleks, dan yang penting kita perlu mengenal pasti populasi dengan tepat dan jelas. Malah, perancangan pemilihan sampel bergantung pada tujuan kajian dilakukan (Sekaran, 2003) dan tingkat keyakinan pengkaji ke atas kajian yang hendak dibuat (Neuman, 2003).

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Responden untuk kajian ini terdiri daripada editor peringkat pertengahan dalam organisasi penerbitan. Responden ditemui berasaskan rujukan oleh pihak pengurusan penerbit di bahagian pentadbiran. Penyertaan responden adalah secara sukarela dan kesemua responden telah memberi persetujuan untuk dipilih sebagai sampel kajian.

Borang soal selidik telah diedarkan kepada penyunting atau editor yang merupakan kakitangan yang terlibat secara langsung dengan kerja-kerja penyuntingan manuskrip mengikut bahagian-bahagian yang telah ditetapkan. Kadar peratus pulangan soal selidik ialah sebanyak 100 peratus. Bagi pelabelan responden, Telaga Biru di label sebagai TB manakala editor syarikat Kemilau Publika di label KP. Jadual 1 menunjukkan maklumat tentang ciri responden kajian bagi organisasi yang dikaji.

Jadual 1: Latar Belakang Demografi Responden

| | KP | TB | Jumlah | Peratus |
|--------------------------------|----|----|--------|---------|
| Jantina | | | | |
| Lelaki | 1 | 0 | 1 | 14.3 |
| Perempuan | 2 | 4 | 6 | 85.7 |
| Umur | | | | |
| 23-27 | 2 | 1 | 3 | 42.9 |
| 28-32 | 1 | 2 | 3 | 42.9 |
| 33-37 | 0 | 1 | 1 | 14.3 |
| Pengalaman Penyuntingan | | | | |
| 1-5 Tahun | 3 | 1 | 4 | 57.1 |
| 6-10 Tahun | 0 | 3 | 3 | 42.9 |
| Kelulusan | | | | |
| Sarjana | 1 | 1 | 2 | 28.6 |
| Sarjana Muda | 2 | 3 | 5 | 71.4 |

Purata keseluruhan responden terdiri daripada dominasi editor perempuan iaitu 86% dan lelaki sebanyak 14%. Hasil analisis soal selidik daripada kedua-dua buah syarikat penerbitan menunjukkan kriteria-kriteria yang dimahukan oleh editor dan dibentuk berdasarkan beberapa tema-tema yang diperoleh daripada petikan jawapan responden. Selain itu, hasil maklumat demografi menggambarkan keseimbangan umur iaitu sebanyak 43% responden berumur antara 23 hingga 27 tahun dan 28 hingga 32 tahun.

Bagi ruangan pengalaman penyuntingan, responden yang berpengalaman bermula dari setahun hingga lima tahun adalah 57% yang menunjukkan peratusan yang paling tinggi dan hal ini menyebabkan mereka sesuai untuk dikaji akan pandangan yang diutarakan. Hal ini diperkuatkan dengan kenyataan Noraishah Daud (2010) pekerja yang lebih berpengalaman lebih komited terhadap organisasi berbanding pekerja yang kurang berpengalaman.

Dari segi pendidikan pula, hampir kesemua responden memiliki kelulusan pendidikan yang tinggi. Responden yang dipilih bersesuaian untuk dijadikan sampel kajian dari perspektif profesionalisme yang sering dikaitkan dengan minat individu merangkumi aspek pengetahuan dan pembelajaran. Hal ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan Normala (2013) iaitu pemilihan kerjaya mestilah selaras dengan minat kerjaya individu tersebut kerana pilihan yang dibuat merupakan pilihan kerjaya untuk masa depan mereka. Tambahan pula, aspek pendidikan responden penting kerana mampu mempengaruhi kelakuan dalam mengendali dan mencari maklumat untuk tujuan keputusan serta penyelesaian masalah. Penerbit-penerbit buku pada hari ini dan akan datang telah memiliki kakitangan yang berkelulusan lebih baik jika dibandingkan pada tahun-tahun 80-an dan 90-an.

Oleh yang demikian, berikut merupakan lima tema yang dikeluarkan berdasarkan pandangan yang diperoleh daripada borang soal selidik editor buku agama. Kemudian, tema-tema tersebut akan dihuraikan bagi mengukuhkan dapatan yang diperoleh.

KANDUNGAN MAKLUMAT

- “Kesahihan maklumat perlu dipastikan dan dinyatakan serta disemak di dalam kitab agama” (KP1)
- “Kandungan yang menarik dan dilengkapi fakta yang sahih” (KP2)
- “Maklumat perlulah dari sumber yang sahih dalam agama seperti Al-Quran, Hadis dan para ulama yang diyakini” (KP3)
- “Manuskrip yang diterima mesti mempunyai nilai-nilai agama yang melibatkan sumber dan fakta yang menarik, benar dan sahih serta berpandukan Al-Quran dan hadis yang sahih” (TB1)
- “Fakta yang tepat dan tidak mengelirukan” (TB2)
- “Kandungan maklumat yang sesuai dengan halwa lidah pembaca dan sumber mestilah betul, benar dan rujukan yang sahih” (TB3)
- “Saya akan lebih meneliti aspek bahasa termasuklah aspek tatabahasa, ejaan, struktur ayat. Sekiranya manuskrip jenis berfakta, elok disertakan bibliografi yang meyakinkan. Penstrukturan kandungan juga saya akan teliti” (TB4)

Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh para editor, aspek kesahihan pada maklumat yang diterima dari para penulis menjadi keutamaan bagi pemilihan manuskrip untuk diterbitkan.

Kesahihan ini ditambah lagi dengan sumber rujukan yang daripada al-Quran dan Hadis yang umum mengetahui bahawa tiada keraguan terhadap kedua-dua sumber tersebut. Kekeliruan mudah berlaku sekiranya aspek kesahihan dalam kandungan maklumat diambil mudah serta dipandang enteng. Hal ini bertepatan dengan kenyataan daripada Siti Rokiah Ab Rahman & Fadzli Adam (2015) iaitu seseorang perlu merujuk kepada sumber asal iaitu al-Quran dan Hadis bagi mengesahkan maklumat dan mengelakkan kekeliruan.

Selain itu, kandungan maklumat yang diambil kira juga melibatkan aspek bahasa seperti yang dinyatakan oleh TB4. Aspek bahasa ini melibatkan tatabahasa, ejaan dan struktur ayat yang jelas dan faktor-faktor tersebut menjadikan manuskrip yang dihantar mudah untuk diterima dan kemudiannya diterbitkan ke pasaran.

PENTAFSIRAN

- “Konsep bersandarkan hukum Islam serta huraian tidak boleh ada keraguan” (KP1)
- “Penjelasan diberikan diikuti dengan lampiran sumber” (KP2)
- “Perlu jelas berdasarkan kitab rujukan yang dirujuk. Bidang agama tidak boleh berdasarkan tafsiran pengarang semata-mata.” (KP3)
- “Definisi fakta dan konsep-konsep dihurai berdasarkan rujukan yang tepat serta disokong dengan hujah-hujah daripada Al-Quran dan hadis” (TB1)
- “Tafsiran jelas namun ada yang mengelirukan tetapi Editor Syariah ada untuk membetulkannya” (TB2)
- “Setiap definisi melibatkan penggunaan ayat Al-Quran sebagai sokongan berserta dalil-dalil, nas-nas dan Hadis” (TB3)
- “Sebarang definisi fakta dan konsep manuskrip dihuraikan mengikut kesesuaian. Mungkin dalam pendahuluan, setiap awalan bab, nota kaki atau glosari” (TB4)

Apabila melibatkan bahan bacaan agama, umum mengetahui bahasa yang dominan digunakan ialah bahasa Arab. Justeru, bahan-bahan dari bahasa Arab perlu diterjemahkan kepada bahasa sasaran iaitu bahasa Melayu dengan penuh teliti tanpa menimbulkan kekeliruan para pembaca. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Nur Munirah Mohamed Aziz & Rohaidah Kamaruddin (2018) iaitu tahap kepakaran yang tinggi diperlukan agar maklumat yang ingin disampaikan dapat diterima dengan mudah oleh pembaca sasaran. Sumber rujukan daripada al-Quran dan Hadis sudah pasti diperlukan bagi menyokong pernyataan yang dilampirkan oleh para penulis.

Menurut KP3, tafsiran yang dikemukakan perlu berlandaskan kitab rujukan yang sahih dan tidak membuat andaian sendiri menurut emosi dan logik akal para penulis. Hal ini lebih parah apabila para penulis yang tidak memiliki latar belakang pendidikan agama yang khusus dalam bidang penulisannya turut menyatakan pandangannya tanpa merujuk sumber yang sahih. Oleh sebab itu, perlu untuk para editor merujuk Editor Syariah (TB2) yang lebih layak untuk menilai isi kandungan manuskrip yang dihantar oleh penulis.

Keseimbangan

- “Jelas dan fakta tidak bercanggah menjadi keutamaan” (KP1)
- “Keseimbangan dari segi fakta dan huraian” (KP2)
- “Contoh petikan Hadis Riwayat Al-Bukhari. Perlu ada sumber sahih dan kenyataan hadis daripada sanad yang tepat. Huraian ulama berkaitan hadis tersebut dan pandangan pengarang sendiri” (KP3)
- “Pendapat, fakta dan hujah daripada penulis perlu mempunyai kesinambungan dan saling berkait” (TB1)
- “Jumlah pendapat, fakta dan hujah perlu sama rata dan tiada kelewahan berlaku” (TB2)
- “Penjelasan tidak bertentangan dan seharusnya seiring dengan fakta. Perlu ada tautan dan ketenunan” (TB3)
- “Perlu ada pertautan antara fakta dan contoh. Setiap huraian fakta harus diseimbangkan dengan contoh-contoh yang boleh menguatkan fakta” (TB4)

Keseimbangan dalam karya buku agama mementingkan keselarasan antara fakta dan huraian yang terdapat di dalam manuskrip yang dihantar. Hal tersebut dapat dilihat melalui jawapan temu bual yang dijalankan terhadap editor buku agama apabila rata-rata bersetuju akan faktor keseimbangan dalam menerbitkan karya para penulis buku agama. Selain itu, keseimbangan juga meliputi contoh-contoh yang disertakan oleh penulis dalam memberikan kefahaman di samping keyakinan kepada para pembaca seperti yang dinyatakan oleh TB4.

Oleh yang demikian, gabungan fakta, huraian dan contoh mampu mewujudkan pertautan dalam memberi nilai tambah bagi faktor keseimbangan manuskrip ini. Sekiranya gabungan ini tidak mampu digarap dengan baik oleh penulis, maklumat yang ingin disampaikan boleh terganggu dan menjurus ke arah kegagalan dalam komunikasi. Justeru, pertautan yang utuh dapat diwujudkan dengan cara kait-mengait antara ayat sehingga pembaca boleh merasai adanya hubungan yang bertaut (Nurmasitah Mat Hassan & Jama'yah Zakaria, 2015).

Keaslian

- “Keaslian dengan sumber dan huraian yang jelas. Penulis menulis seperti berceramah” (KP1)
- “Misalnya menyatakan hadis, kitab dan nombor Hadis” (KP2)
- “Bersifat ringkas, padat dengan fakta dengan kreativiti yang minimum” (KP3)
- “Gaya percakapan atau perbualan. Penulis menulis seolah-olah beliau sedang berceramah kepada audiens. Hal ini boleh menarik minat pembaca” (TB1)
- “Terkini dan inovatif” (TB2)
- “Disertakan contoh daripada pengalaman hidup atau pemerhatian penulis sendiri. Ada coding dari sumber yang dilampirkan namun tidak semua hasil penulisan dari pengarang disertakan dengan rujukan” (TB3)
- “Huraian idea-idea terkini. Persembahan fakta dalam bentuk infografik dan disertakan dengan gambar-gambar peribadi atau pengalaman sendiri. Disertakan dengan petikan ucapan-ucapan daripada tokoh-tokoh terkenal berkaitan isu yang dibincangkan” (TB4)

Berdasarkan tema keaslian, didapati bahawa penulisan yang lebih santai tanpa mengubah isi yang terdapat dalam ceramah atau pengalaman menjadi pilihan kepada para editor untuk menekuni manuskrip yang diterima untuk diterbitkan. Hal ini dapat dilihat seperti yang dinyatakan oleh KP1, KP3, TB1 dan TB3 berikutan kebanyakan penulis buku agama merupakan penceramah yang sering diundang bagi menyampaikan ilmu agama di kaca televisyen mahupun di ruangan radio. Oleh itu, tarikan kepada pembaca untuk membeli karya yang ditulis dapat diwujudkan hasil daripada pengisian ceramah yang disampaikan oleh para penulis.

Selain itu, keaslian turut membawa kepada hal-hal bersifat mutakhir dan bermanfaat lebih-lebih lagi yang melibatkan penggunaan media. Perkara ini dilihat dapat meningkatkan keinginan para pembaca untuk membeli karya buku agama sekali gus menjadi aspek yang membantu dalam pemilihan manuskrip yang dihantar untuk diterbitkan. Hal tersebut bertepatan dengan kenyataan Rumnyeni et. al (2013) iaitu masyarakat menilai sesuatu perkara berdasarkan kepada apa yang mereka lihat, baca dan dengar melalui media. Tambahan pula, kecanggihan media yang sedia ada kini menjadikan maklumat yang diinginkan mudah untuk diakses dan berkembang dengan begitu pesat dan pantas.

Daya Penarik

- “Fakta atau sumber sahih daripada Al-Quran, hadis dan kitab-kitab serta pandangan ulama yang berkait isu semasa agama” (KP1)
- “Menarik jika contoh yang diberikan relevan dengan keadaan terkini dan mudah untuk difahami” (KP2)
- “Fakta sahih yang belum diketahui umum, isu khilaf dalam perbincangan agama dan panduan dalam agama” (KP3)
- “Selalunya gaya penceritaan, tidak kisah daripada sumber lain atau pengalaman sendiri. Hal ini akan menjadikan pembaca untuk meneruskan pembacaan” (TB1)
- “Seronok dibaca jika disertakan sekali dengan kisah zaman nabi dan pengalaman orang soleh” (TB2)
- “Buku yang disertakan dengan hujah dalil Al-Quran yang dikaitkan dengan ilmu sains kerana di dalamnya terdapat 1001 ilmu sains yang ditetapkan oleh Allah” (TB3)
- “Penulis yang menggunakan bahasa dan gaya penyampaian yang santai dan mudah difahami pembaca. Persembahan fakta dalam bentuk infografik” (TB4)

Kerancangan penerbitan dan pemasaran buku agama pada masa kini disebabkan oleh memiliki daya tarikan yang tersendiri. Daya tarikan bagi sesebuah buku boleh terdiri daripada pelbagai aspek antaranya kulit buku, cara penulisan dan kredibiliti penulis. Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh para editor buku agama, penulisan yang melampirkan isu semasa antara yang menjadi pilihan untuk sesebuah manuskrip itu layak diterbitkan.

Oleh yang demikian, isu-isu semasa dalam bidang agama lazimnya melibatkan pertentangan pendapat atau lebih dikenali sebagai isu perbezaan khilaf yang berkaitan hukum agama. Justeru, peranan para penulis yang memiliki kepakaran dalam isu tersebut amat diperlukan sekali gus mampu meleraikan salah faham masyarakat akan isu yang sedang hangat diperkatakan. Selain itu, daya tarikan yang perlu ada dalam memastikan manuskrip yang

dihantar dapat diterbitkan ialah kaedah penulisan yang menyelitkan kisah para nabi dan orang-orang yang soleh. Umum mengetahui bahawa kisah para nabi dan orang-orang soleh penuh dengan hikmah yang telah diaturkan oleh Allah sebagai pengajaran kepada seluruh umat manusia.

Daya tarikan yang bersifat Sains turut menjadi perhatian para editor dalam memilih manuskrip untuk diterbitkan ke pasaran. Tambahan pula, Islam dan Sains merupakan sebuah gabungan yang tidak dapat dipertikaikan lagi dan telah banyak pembuktian berjaya ditunjukkan melalui kajian-kajian yang mendalam dan secara saintifik. Oleh itu, penyusunan dalam bentuk infografik turut membantu para pembaca untuk lebih mudah memahami akan gagasan yang ingin disampaikan oleh para penulis.

KESIMPULAN

Kajian ini secara keseluruhannya mendapati bahawa kriteria-kriteria yang dinyatakan oleh responden berdasarkan lima tema mempunyai tanggungjawab yang harus diberi perhatian utama oleh syarikat penerbitan buku agama. Persoalan isu kriteria ini diwujudkan dalam tugas penyuntingan telah terjawab berpandukan pada kenyataan responden. Hal ini demikian kerana kriteria pemilihan manuskrip menjadi ketentuan sasaran kerja yang dirancang untuk dilaksanakan serta akan membawa hala tuju dan gagasan penerbit ke arah sebuah organisasi perniagaan yang berperanan menyebarkan dakwah Islam.

Selain itu, kriteria-kriteria yang diberikan oleh para editor dan membentuk tema-tema tersebut akan tetap menjadi bahan kajian para akademik dan pelajar bidang penerbitan. Apabila syarikat penerbitan agama menetapkan kriteria yang terbaik bagi pemilihan manuskrip para penulis, impaknya akan diterima oleh penerbit yang lain sehaluan dengan keperluan dan hala tuju penerbitan buku agama di Malaysia.

RUJUKAN

- Angelski, C, et.al. (2012). The Publication of Ethically Uncertain Research: Attitudes and Practices of Journal Editors. *BMC Medical Ethics*, 13(4): 1-6.
- Davies, G. (1995). *Book Commissioning and Acquisition*. London: Blueprint.
- Faisal Ahmad Shah. (2011). Pengajian Hadis di Malaysia: Perkembangan, Cabaran dan Masa Depan. *Prosiding dari ICON-IMAD: Konferensi Internasional Islam Di Dunia Melayu*: 403-409.
- Follet, W. (1998). *Modern American Usage*. New York: Hill & Wang.
- Hamed Mohd Adnan. (2008). *Memahami Penyuntingan Naskhah*. Bangi: Medium Publications.
- Hasninie Mohammad. (2013). *Aspek Dakwah dalam Novel-Novel Terpilih Faisal Tehrani*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Mohamad Azmie Zakaria. (2015, September 30). *Utusan Malaysia*. Mampukah Buku Akademik Jadi Buku Agama?, 11.
- Mohamad Suhaizi Suhaimi. (2020). *Prinsip dan Amalan Penyuntingan oleh Editor Buku Agama Berbahasa Melayu*. Tesis Ph.D. Universiti Putra Malaysia.

- Mohd. Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Neuman, W. L. (2003). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Boston: Pearson Education Inc.
- Noraishah Daud. (2010). Jaminan Kerja dan Hubungannya dengan Kepuasan Kerja dan Komitmen Terhadap Organisasi. *International Conference on Ethics and Professionalism*: 474-491.
- Nur Munirah Mohamed Aziz & Rohaidah Kamaruddin. (2018). Kelainan Terjemahan dalam Terjemahan Teks Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu. *Jurnal Kesidang*. 3: 73-81
- Nurmasitah Mat Hassan & Jama'yah Zakaria. (2015). Kohesi Gramatikal Penghubung dalam Karangan Berbahasa Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 3: 101-113.
- Normala. (2013). *Keserasian Personaliti Pelajar dengan Agen Pengembangan*. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Ross-Hellauer, T., Deppe, A., & Schmidt, B. (2017). Survey on Open Peer Review: Attitudes and Experience Amongst Editors, Authors and Reviewers. *PLoS ONE*, 12(12): 1-28.
- Rumnyeni, Rusmadi Awza & Evawani E Lubis. (2013). *Analisis Dampak TV Terhadap Masyarakat di Kecamatan Selat Panjang, Kabupaten Meranti*. Universiti Riau.
- Sekaran, U. (2003). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. Singapore: John Wiley and Sons.
- Shaharom TM Sulaiman & Suriati Samsuddin. (2004). *Ada Apa Dengan Buku*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn.Bhd.
- Shelomi, M. (2014). Editorial Misconduct: Definition, Cases and Causes. *Publications*, 2: 51-60.
- Shuhada Mansor. (2015, September 23). *Harian Metro*. Suka Membeli, Malas Membaca, 15.
- Zulkifli Abd Latiff. (2012). Dasar dan Cabaran Penerbitan Ilmiah dari Perspektif Pengamal Penerbitan. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 14(2): 39-54.